

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGKAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 25/08/2020

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah untuk mengembangkan atau menaik taraf keupayaan teknologi, 'internet of things' dan mendokong keperluan infrastruktur teknologi industri 4.0 bagi meningkatkan keupayaan usahawan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seiring dengan perubahan ekosistem perniagaan pasca COVID-19

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) merupakan strategi jangka panjang negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan (*entrepreneurial nation*) yang unggul menjelang tahun 2030. Dasar ini telah menggariskan **6 teras strategik** untuk menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan Unggul. Teras Strategik 4 iaitu Memacu Pertumbuhan Ekonomi Melalui Perusahaan Berteraskan Inovasi, merupakan fokus Kementerian bagi mewujudkan usahawan yang berinovasi dan memberi nilai tambah kepada produk dan perkhidmatan melalui penggunaan teknologi.
2. Teknologi Peranti Pintar (*Internet of Things - IoT*) adalah rangkaian peranti (*device*) yang membolehkan mesin dan peranti berkomunikasi sesama sendiri. Ia merupakan salah satu tonggak utama dalam Industri 4.0. Selain IoT, tonggak utama Industri 4.0 termasuklah robot berautonomi (*autonomous robot*), simulasi, pengkomputeran awan (*cloud computing*), integrasi sistem, sekuriti siber, pembuatan aditif (percetakan 3D), realiti maya (*augmented reality*) dan data raya (*big data*).
3. Keupayaan usahawan untuk mengadaptasi teknologi Industri 4.0 salah satu faktornya adalah sangat bergantung kepada ketersediaan infrastruktur yang menyokong kepada penggunaan teknologi tersebut. Antara cabaran dan halangan kepada usahawan terutamanya usahawan luar bandar untuk menguna pakai dan mengadaptasi teknologi Industri 4.0 adalah liputan akses yang terhad kepada internet berkelajuan tinggi dan infrastruktur teknologi digital.
4. Mengambil kira perkembangan semasa kesan daripada wabak Covid-19, Kementerian telah merangka inisiatif di bawah Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi untuk membolehkan usahawan terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) dan koperasi terus bertahan dalam tempoh yang mencabar ini. Pelan ini turut memberi fokus kepada meningkatkan penggunaan teknologi. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan ialah:

- (a) *e-Commerce Onboarding Coaching Programme (E-Board)* adalah program latihan yang bertujuan untuk memperkuat kemampuan dan kapasitas usahawan mikro, PKS dan koperasi dalam penggunaan platform e-Dagang melalui bimbingan yang intensif.
- (b) *MEDAC-MTDC I4.0 Accelerator Programme* adalah program bimbingan kepada perusahaan mikro, PKS dan koperasi bumiputera untuk mengadaptasi teknologi IR4.0 dalam perniagaan masing-masing.
- (c) Membangunkan Platform e-pasaran berpusat merupakan inisiatif untuk meluaskan pasaran produk-produk dan perkhidmatan usahawan mikro, PKS dan koperasi melalui platform e-dagang
- (d) Latihan-latihan keusahawanan oleh agensi MEDAC yang dilaksanakan secara atas talian

5. Melalui PENJANA, Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM700 juta untuk merangsang ekonomi digital di Malaysia. Antaranya melalui pinjaman di bawah peruntukan Geran Padanan Pendigitalan PKS sebanyak RM100 juta dan Dana Transformasi Teknologi PKS sebanyak RM500 juta melalui SME Bank. Dana ini akan membantu usahawan dan PKS bagi melaksanakan transformasi ke arah penggunaan teknologi untuk meningkatkan produktiviti perusahaan mereka.

Sekian, terima kasih